



Untuk Terbitan Media
5 Februari 2025

SIARAN MEDIA

BUKAN BENCANA KERJA: KABINET SETUJU KESUMA LAKSANA SKBBK MELALUI PERKESO

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Kabinet, secara prinsipnya telah bersetuju agar Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melaksanakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, skim tersebut akan ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan liputan perlindungan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu kepada pekerja yang layak semasa tempoh penggajian.

Menurutnya, skim yang dicadangkan itu akan meliputi kemalangan yang berlaku dalam Malaysia di luar waktu kerja, termasuk kemalangan dalam perjalanan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

“KESUMA cakna dengan perubahan lanskap peralihan waktu kerja pada masa kini susulan peningkatan aturan kerja anjal atau aturan kerja fleksibel (FWA) oleh majikan di Malaysia kesan daripada perkembangan digitalisasi.

“Pelaksanaan SKBBK oleh PERKESO ini merupakan satu mekanisme perlindungan sosial dalam menangani cabaran risiko berkaitan kerja dan risiko di luar waktu kerja terutama bagi pekerja yang terlibat dengan FWA.

“Ini kerana risiko kemalangan yang tidak berlaku di pejabat serta waktu kerja seperti kelaziman,” katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat pada Rabu, menjawab soalan berkaitan SKBBK yang dibangkitkan Datuk Seri Wee Ka Siong (BN - Ayer Hitam) dan Datuk Seri M Saravanan (BN - Tapah).

Tambah beliau, KESUMA menjangkakan Rang Undang-Undang (RUU) bagi skim tersebut akan dapat dibentangkan di Mesyuarat Parlimen pada tahun ini.

"PERKESO juga telah mengadakan sesi libat urus dengan para pemegang taruh bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan cadangan pelaksanaan SKBBK bersama wakil dari pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM).

"Sesi libat urus juga diadakan bersama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan sebanyak 86,529 kes kemalangan dilaporkan kepada PERKESO pada 2024 dan daripada jumlah itu, sebanyak 19,955 kes disahkan sebagai bukan bencana kerja.

Secara puratanya, sebanyak 54 kes kemalangan sehari yang dikategorikan sebagai bukan bencana kerja direkodkan tahun lalu, mengakibatkan semua mangsa terlibat tidak mendapat faedah Skim Bencana Kerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Angka yang membimbangkan itu memberi petunjuk bahawa skim keselamatan sosial yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan segera, bagi memastikan jaringan keselamatan lebih holistik.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

5 Februari 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud +6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my